

# KESAN SISTEM WARISAN TANAH FELDA (GSA) KE ATAS EKONOMI MERENTASI GENERASI: PENDEKATAN TEORI DASAR SOSIAL (TDS)

Nor Liana Ishak<sup>1</sup>  
Sanep Ahmad<sup>2</sup>

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis kesan GSA ke atas ekonomi dan ekuiti generasi FELDA. Peraturan ini secara eksplicit telah menyekat pembahagian harta pusaka di kalangan waris yang mana hanya seorang penama sahaja akan dinamakan sebagai pemegang amanah. Walaupun kaedah ini baik untuk memastikan kelastrian FELDA tetapi menimbulkan permasalahan dalam isu agihan warisan. Apa yang berlaku adalah penama akan bertindak sebagai pemilik dan menafikan hak pewaris yang lain. Ini bermakna faedah hanya kepada seorang penama sahaja yang seolah olah rancangan FELDA hanya memberi kejayaan ekonomi kepada generasi pertama FELDA dan seorang warisnya tetapi gagal memperkukuhkan ekonomi generasi FELDA yang lain seterusnya. Persoalan ini perlu diteliti bagi menilai sejauh mana GSA membawa kesan positif dan negatif ke atas ekuiti generasi FELDA? Penilaian akan dilakukan berdasarkan teori Dasar Sosial. Dapatan kajian merumuskan bahawa berlaku ketidakseimbangan dalam agihan warisan tanah FELDA tetapi telah mendorong generasi felda menerokai sumber yang lain. GSA telah menyebabkan agihan pusaka tidak seimbang tetapi membawa kesan yang positif dalam penerokaan sumber lain.

Kata Kunci : Teori Dasar Sosial, Agihan Pusaka Islam (Faraid), GSA

## 1. PENGENALAN

Dalam meningkatkan taraf ekonomi dan memperbaiki taraf hidup masyarakat Melayu, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussain telah memperkenalkan kawasan kawasan penempatan berkelompok yang dikenali sebagai Rancangan Tanah Felda. (Federal Land Development Authority). Dengan penubuhan ini ia dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan mendatangkan faedah pembangunan, membasmi kemiskinan, meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup serta kemudahan asas terutamanya kepada golongan miskin.

Secara tidak langsung Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ini boleh mendatangkan kesan yang positif dan negatif ke atas ekuiti generasi FELDA terutamanya kesan dari segi ekonomi. Penilaian kesan positif dan negatif ke atas ekonomi masyarakat Felda di buat berdasarkan Teori Dasar Sosial. Menurut Mosley (1974) yang dipetik dari Hasnah Ali (1991) menyatakan pusat pertumbuhan dibina untuk mencapai sekurangnya salah satu matlamat perancangan, meningkatkan keupayaan wilayah untuk menggunakan inovasi dengan mengadakan program pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat dan pesat iaitu dengan mengadakan satu dana pelaburan awam bagi pembinaan kemudahan infrastruktur dapat menghalang penghijrahan penduduk wilayah tersebut.

---

<sup>1</sup> Pelajar, Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan , Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penulis:

[norlianaishak@yahoo.com.my](mailto:norlianaishak@yahoo.com.my)

<sup>2</sup> Prof. Dr. Madya Sanep Ahmad, Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan , Universiti Kebangsaan Malaysia. (UKM)

Matlamat kajian adalah untuk menganalisis kesan sistem warisan tanah FELDA iaitu Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ke atas ekonomi bagi generasi kedua dengan menggunakan pendekatan teori dasar sosial.

Secara khusus Objektif kajian adalah untuk :

- i) Mengenalpasti kesan pelaksanaan Akta GSA keatas ekonomi masyarakat FELDA terutamanya bagi golongan generasi ke dua.
- ii) Mengenalpasti permasalahan yang timbul akibat dari pelaksanaan Akta GSA
- iii) Mencadangkan beberapa penyelesaian kesan dari pelaksanaan Akta GSA.

## **2. KAJIAN LITERATUR**

Tujuan kajian ini di jalankan adalah untuk mengkaji tentang sistem agihan pusaka di Felda dan kesan ke atas ekonomi Masyarakat Felda berdasarkan Teori Dasar Sosial.

### **2.1 Teori Dasar Sosial**

Lafitte (1962) ) yang dipetik dari Wan Azmi Ramli (1982) melihat dasar sosial sebagai yang lebih memberatkan keadaan alam sekelilingan masyarakat iaitu terhadap penyediaan segala kesenangan kesenangan sosial seperti pembaharuan Bandar dan Taman Negara atau sesuatu tindakan terhadap pencemaran alam, kebisingan atau seummpamanya. Beliau juga menyatakan sekiranya dasar itu dibiarkan sendiri masyarakat tidak akan menjalani sesuatu tindakan melainkan ianya disalurkan kearah berkenaan oleh pihak berkuasa.

Marshall (1965) yang dipetik dari Wan Azmi Ramli (1982) lebih praktikal dalam menghuraikan Dasar Sosial sebagai suatu dasar yang di kaitkan terhadap dasar kerajaan mengenai tindakan yang mempunyai kesan secara langsung atas kebajikan rakyatnya. Ini di lakukan dengan menyediakan perkhidmatan perkhidmatan atau pendapatan seperti insuran sosial, bantuan am, perkhidmatan kesihatan dan kebajikan, dasar perumahan dan sebagainya.

### **2.2 Peranan FELDA dalam Dasar Sosial**

Peranan FELDA dalam menyediakan Dasar Sosial amatlah penting dalam memastikan taraf ekonomi dan tingkat kebajikan masyarakat FELDA terjamin. Antara kemudahan dasar sosial yang di sediakan oleh FELDA ialah menyediakan kemudahan Asas dan Infrastruktur, menyediakan perumahan, memberi pendidikan kepada anak anak FELDA, melahirkan usahawan baru terutama dari golongan muda dan menyediakan perkhidmatan kesihatan. Penyediaan dasar sosial ini amatlah penting bagi memastikan penerokaan sumber ekonomi baru seterusnya dapat membangunkan ekonomi warga FELDA.

Antara kajian kajian yang berkaitan adalah Dalam satu kajian yang dibuat oleh Tengku Maimun Tuan Mat pada tahun 1981/1982 bertajuk : “Satu kajian Sistem Perwarisan FELDA – dengan merujuk kepada Puasaka Islam” ada menyatakan tentang bagaimana kaedah perwarisan ketika itu bagi tanah tanah Felda. Kajian itu menyatakan serba sedikit tentang cara pembahagian harta pusaka untuk orang Islam. Beliau juga menyentuh tentang fungsi

penubuhan FELDA dan pelaksanaan bagi peneroka peneroka menerusi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Bagi pewarisan tanah FELDA ketika itu, menerusi seksyen 19, pegawai FELDA mempunyai hak dan kuasa untuk memindah milik kepada orang lain melalui Daftar Pegangan jika berlaku kematian atau pelanggaran syarat oleh peneroka. Kebanyakan tanah tanah FELDA ketika itu masih belum mempunyai hak milik dan penyelesaian hanya diselesaikan di hadapan pegawai FELDA. Namun dalam kajian yang dilakukan oleh penulis didapati hanya menumpukan tentang kaedah pembahagian harta di masyarakat FELDA dan fungsi penubuhan FELDA. Melalui rujukan ini telah dapat membantu menghasilkan penulisan dari segi aspek sosioekonomi masyarakat peneroka kesan dari Akta Tanah GSA.

Berdasarkan kajian lepas, yang ditulis oleh Saifuldin bin Aziz @ Abdul Aziz didapati penekanan hanya terhadap mengenalpasti kaedah pembahagian pusaka di bawah Akta GSA, dengan mengaitkan peranan pihak pengurusan FELDA dalam membantu waris waris berkaitan pembahagian harta pusaka. Selain itu pengkaji ini juga menghuraikan tahap pemahaman dalam isu perlantikan pentadbir dalam pembahagian harta pusaka bagi tanah FELDA. Oleh itu, berdasarkan sumber rujukan yang lepas yang telah di kaji, penulisan yang akan dihasilkan pula adalah mengenai masalah yang akan timbul akibat dari pelaksanaan Akta GSA dan cadangan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Kajian yang dibuat oleh Long Siong Khim (2007) bertajuk “ Hak milik Tanah GSA Felda Dan Isu kelewatan pengeluarannya. Kajian Kes : Tanah rancangan Felda di Johor”. Objektif kajian melihat dan meneliti aspek aspek polisi yang terlibat dengan pengeluaran Hak Milik Tanah GSA kepada peneroka yang telah diterima masuk ke Tanah Rancangan Felda. Selain itu mengenal pasti proses proses yang terlibat dalam urusan permohonan Hak Milik Tanah GSA kepada peneroka. Seterusnya mengenal pasti punca kelewatan proses pengeluaran Hak Milik oleh pihak yang terlibat dalam proses pengeluaran iaitu daripada pihak pengurusan FELDA, Pihak pentadbiran Tanah daerah. Hasil kajian menggunakan kaedah temubual yang membawa kepada beberapa alternatif seperti penyediaan maklumat yang lengkap, penambahan jumlah kakitangan Khas di pejabat tanah, hubungan kerjasam yang baik antara semua pihak , hapuskan biokrasi dan Pindaan proses pemantauan dijalankan.

Kajian Rosnah Che Mat (1984) di jalankan di FELDA Sg Panching Timur dan FELDA Ulu Jempul Pahang. Tujuan kajian adalah untuk melihat keadaan sosioekonomi generasi ke dua FELDA di antara duah buah rancangan FELDA ini. Dalam kajian ini, beliau menggunakan generasi ke dua yang masih menetap di rancangan tersebut sebagai sampel kajian. Hasil kajiannya mendapati bahawa 65% belia di Sg Panching Timur dan 57% di Ulu Jempul tidak berminat kerja tani. Terdapat juga faktor tarikan di bandar yang mana cenderung membawa kepada penghijrahan belia pendapatan tidak tetap yang tidak menjamin masa depan mereka merupakan antara faktor lain kurangnya minat generasi ke dua untuk teruskan kerja tani.

Kemajuan yang dicapai oleh generasi ke dua sebagai faktor penghijrahan di kaji lebih mendalam oleh Daud Abdullah (1986). Kajian beliau dibuat di FELDA Menggong Alor Gajah Melaka. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sikap generasi kedua FELDA terhadap kegiatan dan kesannya terhadap pengganti peneroka. Beliau telah menggunakan anak peneroka sebagai sampel untuk soal selidik di mana 57 orang dipilih. Dari kajian beliau mendapati hanya 58% sahaja belia yang sanggup menjadi pengganti membuat kerja kerja ladang pada masa akan datang. Dari jumlah ini 85.7% taraf pendidikan sehingga sekolah rendah, 58% Sijil Rendah Penilaian, 32% Sijil Pelajaran Malaysia dan tiada yang sanggup kerja di ladang yang tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia ke atas . Walaubagaimanapun, di

jangkakan generasi kedua yang berminat juga akan turut meninggalkan rancangan apabila terdapat tawaran pekerjaan yang lebih menarik di sektor lain terutama sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan.

Nor Aini Haji Idris (2003) dalam laporan akhir projek penyelidikan yang bertajuk “Generasi ke dua masyarakat FELDA: Kajian kes mengenai prospek peningkatan keupayaan melalui aktiviti perniagaan” melihat kecenderongan generasi ke dua dalam mengadakan aktiviti perniagaan disebabkan keenganan mereka untuk meneruskan kesinambungan usaha ibubapa mereka dalam sektor pertanian. Antara objektif kajian ialah mengenal pasti faktor yang menyebabkan berlakunya penghijrahan di kalangan generasi ke dua, meneliti jenis perniagaan yang dijalankan di FELDA tersebut, dan jenis aktiviti yang diceburi oleh peneroka tersebut. Selain itu pengkaji melihat kaitan antara penghijrahan dan mobiliti sosial di kalangan generasi ke dua. Hasil kajian menyimpulkan bahawa program pembangunan iaitu Program Pembangunan Usahawan dan Program Kepimpinan adalah satu program yang mempelbagaikan kegiatan ekonomi bercorak bukan pertanian. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan jenis perniagaan yang paling ramai diceburi ialah perniagaan kedai runcit, bengkel membaiki motosikal dan kedai jahit.

Kajian yang di buat oleh Tuan Normazidah Bt Tuan Aziz (2012) adalah mengkaji tentang peluang generasi kedua dalam masyarakat FELDA. Kajian ini tertumpu kepada FELDA Jengka 5, Maran Pahang. Kajian ini tertumpu kepada mengkaji skim yang telah disediakan oleh pihak FELDA kepada golongan generasi ke dua seperti kemudahan pendidikan, kemudahan sosial dan kemudahan kebajikan. Selain itu kajian ini mengkaji permasalahan yang timbul akibat dari pembahagian harta yang sering menjadi perbalahan di kalangan ahli keluarga masyarakat FELDA. Kajian di analisis bagi mendapat jawapan permasalahan ini cara untuk memperbaiki sistem mereka terutama berkenaan undang undang tanah dan sebagainya.

Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa kebanyakan golongan generasi ke dua masyarakat FELDA kurang berminat untuk menjalankan kerja kerja dalam bidang pertanian. Mereka lebih berminat menceburi bidang seperti sektor perkhidmatan dan sektor perindustrian. Antara sebab utama mengapa mereka tidak berminat dalam bidang pertanian adalah kerana peningkatan dari segi taraf pendidikan sekali gus memberi mereka peluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik di luar rancangan tersebut. Selain itu, faktor pendapatan juga merupakan antara sebabnya dimana punca pendapatan yang diperolehi dalam bidang pertanian adalah tidak tetap dan keadaan kerja yang kurang selesa serta banyaknya peluang pekerjaan di sektor lain juga merupakan punca golongan ke dua FELDA kurang berminat.

Selain dari itu, generasi kedua masyarakat FELDA cenderung untuk mencari sumber ekonomi yang baru kerana masalah pembahagian harta pusaka. Kebanyakan peneroka mempunyai bilangan anak yang ramai ini mendatangkan masalah kepada peneroka dalam pembahagian harta pusaka kerana Tanah Rancangan FELDA tertakluk di bawah Akta Kawasan Penempatan Berkelompok (1960). Akta ini tidak membenarkan pemecahan tanah berlaku sebaliknya hanya seorang sahaja yang diamanahkan untuk menguruskannya. Di mana Menurut seksyen 14.

‘Pegangan Luar Bandar hanya boleh di beri milik kepada seorang sahaja yang dibenarkan mengikut tuan punya bersekutu memilik pada bila bila masa. Walaubagaimanapun, pada tahun 2002 pindaan telah di lakukan di bawah seksyen 14 (2) yang membolehkan harta pusaka peneroka dimiliki tidak lebih dari dua orang.’

Oleh itu, generasi kedua lebih gemar untuk mencari haluan hidup sendiri dengan mencari sumber ekonomi yang baru dari terus tinggal di kawasan FELDA untuk mewarisi tanah rancangan FELDA kerana mereka juga mempunyai adik beradik yang ramai. Dalam masa yang sama peneroka juga tidak pasti kepada siapakah harus diberikan hak memegang amanah tanah berkenaan. Justeru itu, kajian ini mengkaji tentang kesan pelaksanaan Akta Kawasan Penempatan Berkelompok (1960) keatas ekonomi khususnya bagi generasi ke dua masyarakat a FELDA dalam mencari sumber ekonomi yang baru. Isu permasalahan yang timbul juga akan di kaji khususnya dari segi ekonomi dan cara untuk mengurangkan masalah tersebut

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Proses pengumpulan data menggunakan kaedah pengumpulan data melibatkan pengumpulan Data primer. Kaedah pensamplean secara rawak menggunakan 300 sample dengan menjawab soalan berbentuk skala likert. Data di analisis dengan menggunakan Kaedah Deskriptif dan Analisis Faktor.

### 4. HASIL KAJIAN

Hasil kajian menerangkan kajian yang dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif berdasarkan min dan sisihan piawaian bagi menentukan masalah yang timbul akibat dari pelaksanaan sistem pewarisan tanah FELDA.

#### 4.1 Kesan Pelaksanaan Akta GSA ke atas Ekonomi Masyarakat Felda terutamanya bagi golongan generasi ke dua

Jadual 1: Skor Min Dan Sisihan Piawaian Kesan Negatif Yang Timbul Ke Atas Harta Yang Sepatutnya Dimiliki Waris Semasa Pelaksanaan Akta GSA.

Kesan Negatif	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Waris lain yang tidak menjadi penama/ pentadbir tidak mendapat manfaat kewangan daripada tanah FELDA	3.05	1.049	Sederhana
Pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak dapat bahagian	3.28	1.164	Setuju
Pembahagian menyebabkan nilainya sedikit dan tidak menyumbang pendapatan isi rumah	3.04	1.016	Sederhana
Waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah	3.02	1.057	Sederhana

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 1 menunjukkan tahap masyarakat Felda ke atas kesan negatif yang timbul ke atas harta yang sepatutnya diwarisi. Kebanyakan item mempunyai nilai min melebihi 3 yang menunjukkan para responden sederhana setuju bahawa wujudnya kesan negatif ke atas harta yang sepatutnya dimiliki waris semasa pelaksanaan Akta GSA. Antara kesan negatif yang menunjukkan maklum balas persepsi yang tinggi dan berada tahap setuju ialah pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak mendapat bahagian mencatat min yang tertinggi iaitu 3.28 sisihan piawaian 1.164. Waris lain yang tidak menjadi penama/ pentadbir tidak mendapat manfaat kewangan daripada tanah Felda adalah sederhana setuju dengan catatan min 3.05 dan sisihan piawaian 1.049. Bagi pembahagian menyebabkan

nilainya sedikit dan tidak menyumbang pendapatan isi rumah juga berada pada tahap sederhana setuju dengan catatan min 3.04 dan sisihan piawaian 1.016. Manakala waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah juga berada pada tahap sederhana setuju dengan min 3.02 dan sisihan piawaian 1.057

Jadual 2 Analisis di antara sektor pekerjaan dan Generasi

Sektor Pekerjaan	Generasi f (%)		
	Pertama	Kedua	Ketiga
Peneroka	92 (83.6%)	13 (7.1%)	0 (0.0%)
Badan Kerajaan	2 (1.8%)	25 (13.7%)	0 (0.0%)
Swasta	1 (0.9%)	50 (27.5%)	4 (50.0%)
Bekerja sendiri	4 (3.6%)	51 (28.0%)	1 (12.5%)
Pelajar	0 (0.0%)	18 (9.9%)	3 (37.5%)
Lain Lain	11 (10%)	25 (13.7%)	0 (0.0%)
Jumlah	110 (100%)	182 (100%)	8 (100%)

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 2 menunjukkan sektor pekerjaan yang diceburi oleh masyarakat Felda mengikut generasi. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti generasi pertama adalah seorang peneroka iaitu seramai 92 orang (83.6%). Manakala bagi generasi kedua pula kebanyakan mereka bekerja di sektor sektor lain seperti berkhidmat sebagai badan kerajaan seramai 25 orang (13.7%), sektor swasta 50 orang (27.5%). Malahan kebanyakan generasi kedua juga menceburi bidang keusahawanan iaitu bekerja sendiri seramai 51 orang (28.0%). Seramai 18 orang (9.9%) sebagai pelajar dan lain lain seramai 25 orang (13.7%). Bagi generasi ketiga kebanyakan mereka bekerja di sektor swasta dan kerajaan. Dapatan kajian mendapati bahawa generasi kedua kurang berminat untuk bekerja di sektor pertanian iaitu menjadi pengganti membuat kerja kerja di ladang, mereka lebih gemar mencari sumber ekonomi yang baru. Ini menunjukkan bahawa generasi kedua lebih gemar berhijrah ke sektor lain terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan. Penghijrahan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya minat dalam sektor pertanian, pendapatan yang sedikit dan tidak menentu serta taraf pendidikan yang kian meningkat.

Jadual 3 Perbandingan pendapatan mengikut generasi

Pendapatan Bulanan	Generasi ( f %)		
	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
RM 0 - 1000	23 (20.9%)	80 (44%)	5 (62.5%)
RM 1001 - 2000	78 (70.9%)	66 (36.3%)	3 (37.5%)
RM 2001 -3000	8 (7.3%)	16 (8.8%)	0 (0%)
RM 3001 - 4000	0 (0%)	11 (6%)	0 (0%)
RM 4001 - 5000	1 (0.9%)	6 (3.3%)	0 (0%)
RM 5001 - 6000	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)
RM 6001 - 7000	0 (0%)	2 (1.1%)	0 (0%)
RM 7001 - 8000	0 (0%)	0.5 (1%)	0 (0%)
Jumlah	110 (100%)	182 (100%)	8 (100%)

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 3 menunjukkan perbandingan pendapatan mengikut generasi. Dapatan kajian mendapati bahawa peratusan pendapatan paling tinggi daripada 110 responden dari generasi pertama adalah sebanyak 70.9% dengan pendapatan sebanyak RM1001-2000. Manakala bagi

generasi kedua peratusan pendapatan paling tinggi iaitu seramai 80 responden (44%) daripada 182 responden mempunyai pendapatan diantara RM0-1000. Manakala bagi generasi ketiga juga mencatat peratus pendapatan paling tinggi iaitu seramai 5 responden (62.5%) mempunyai pendapatan antara RM0-1000. Ini menunjukkan bahawa pendapatan yang diperolehi di kawasan FELDA sangat rendah dan mendorong generasi kedua khususnya mencari sumber ekonomi yang baru.

Jadual 4 : Perbandingan tahap pendidikan mengikut generasi

Tahap Pendidikan	Generasi (f)		
	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
SRP/ PMR kebawah	81	23	0
SPM	15	90	5
STPM/STAM	0	10	0
DIPLOMA	3	25	0
IJAZAH	1	26	2
LAIN LAIN	10	8	1
JUMLAH	110	182	8

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 4 menunjukkan perbandingan tahap pendidikan mengikut generasi. Dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan generasi pertama mempunyai pendidikan SRP/PMR ke bawah iaitu seramai 81 daripada 110 responden dari generasi pertama. Bagi generasi kedua tahap pendidikan meningkat. Dapatan kajian mendapati seramai 90 daripada 182 responden dari generasi kedua mempunyai SPM, 25 orang mempunyai Diploma, 26 mempunyai ijazah dan 8 orang mempunyai Phd dan lain lain. Maka dengan peningkatan tahap pendidikan yang semakin meningkat kebanyakan generasi kedua akan menghasilkan kesan yang positif dalam mencari sumber ekonomi yang baru dengan menceburi bidang yang lebih mencabar.

Jadual 5 Perbandingan skor min antara FELDA berdasarkan kesan negatif

Kesan Negatif	Felda Chini	Felda Bukit Kepyang	Felda Inas Utara	Felda Palong
Waris lain yang tidak menjadi penama/ pentadbir tidak mendapat manfaat kewangan daripada tanah FELDA	3.17	3.16	2.8	3.01
Pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak dapat bahagian	3.28	3.54	2.96	3.32
Pembahagian menyebabkan nilainya sedikit dan tidak menyumbang pendapatan isi rumah	3.19	3.3	2.98	2.78
Waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah	3.13	3.46	2.88	2.76

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 5 di atas menunjukkan Perbandingan skor min antara FELDA berdasarkan kesan negatif yang timbul ke atas harta yang sepatutnya dimiliki waris. Dapatan kajian mendapati bahawa

Felda Chini , Felda Bukit Kepayang dan Felda Palong berada pada tahap sederhana setuju bagi pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak dapat bahagian dengan masing masing mencatat min sebanyak Felda Chini 3.28, Felda Bukit Kepayang 3.54 dan Felda Palong 3.32. Manakala Felda Inas Utara berada pada tahap sederhana setuju bahawa pembahagian menyebabkan nilainya sedikit dan tidak menyumbang pendapatan isi rumah dengan catatan min 2.98.

Jadual 6 Perbandingan skor min antara Generasi berdasarkan kesan negative

<b>Kesan Negatif yang timbul</b>	<b>Pertama</b>	<b>Kedua</b>	<b>Ketiga</b>
Waris lain yang tidak menjadi penama/ pentadbir tidak mendapat manfaat kewangan daripada tanah FELDA	2.87	3.14	3.63
Pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak dapat bahagian	3.21	3.32	3.5
Pembahagian menyebabkan nilainya sedikit dan tidak menyumbang pendapatan isi rumah	2.83	3.14	3.63
Waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah	2.93	3.04	3.75

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 6 pula menunjukkan perbandingan skor min antara generasi berdasarkan kesan negatif yang timbul semasa Sistem Akta Tanah GSA dilakukan. Dapatan kajian mendapati bahawa generasi pertama dan kedua berada pada tahap sederhana setuju dengan catatan min generasi pertama 3.21 dan generasi kedua 3.32 bagi pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak dapat bahagian dengan masing masing. Manakala bagi generasi ketiga berada pada tahap setuju dengan catatan min 3.75 bagi waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah.

#### **4.2 Analisis permasalahan yang timbul akibat dari pelaksanaan Sistem Akta Tanah Berkelompok (GSA)**

Dapatan kajian melalui borang soal selidik menyatakan bahawa sebanyak 76.3% yang menyokong bahawa berlakunya permasalahan di kalangan waris (di luar keluarga) berkenaan pembahagian harta Felda. Manakala sebanyak 23.7% tidak menyokong. Secara kesimpulannya berlakulah permasalahan yang timbul semasa pembahagian harta dijalankan. Jadual di bawah menerangkan apakah masalah – masalah tersebut .

Jadual 7 Analisis permasalahan yang timbul kesan dari Pelaksanaan Akta GSA

Kategori	Ya	Tidak	Jumlah
	Peratus (%)		
Perbalahan dan tuntutan antara adik beradik	66.7	33.3	100
Perbalahan dan tuntutan antara ahli keluarga	14.7	85.3	100
Perbalahan melibatkan keluarga tiri	24.7	75.3	100
Perbalahan melibatkan harta sepencarian pasangan	19.3	80.7	100
Masalah pembahagian hasil FELDA oleh pemegang Amanah	27	73	100

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 7 menunjukkan masalah masalah yang timbul kesan dari pelaksanaan Akta GSA. Kajian mendapati perbalahan dan tuntutan antara adik beradik mencatat peratusan yang tertinggi iaitu seramai 66.7% diikuti masalah pembahagian hasil FELDA oleh pemegang Amanah sebanyak 27% , perbalahan melibatkan keluarga tiri 24.7%, perbalahan melibatkan harta sepencarian pasangan 19.3% dan Perbalahan dan tuntutan antara ahli keluarga sebanyak 14.7%. Ini membuktikan bahawa dengan pelaksanaan Akta GSA juga mewujudkan perbalahan diantara mereka khususnya perbalahan dan tuntutan antara adik beradik.

#### 4.3 Mencadangkan beberapa penyelesaian Kesan dari Pelaksanaan Akta

Di bawah Akta Tanah (Kawasan penempatan Penempatan Berkelompok) 1960. Tanah yang terlibat dengan akta ini ialah tanah tanah Rancangan FELDA dan FELCRA. Masalah yang berbangkit daripada akta ini ialah peruntukkan seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan penempatan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960 (Pindaan) 2002 yang tidak membenarkan tanah tanah tersebut dimiliki lebih daripada dua orang pemilik.

Maka kesan daripada Akta ini peneroka perlu melantik salah seorang waris ataupun pentadbir bagi menguruskan harta pusaka. Kebanyakan Felda melantik pentadbir berbanding pertukaran hak milik kepada mana mana waris. Dapatan kajian ke atas kesan negatif yang timbul ke atas harta yang sepatutnya dimiliki waris semasa pelaksanaan Akta GSA mendapati bahawa kebanyakan masyarakat di Felda bersetuju bahawa kegagalan pengagihan harta si mati adalah di sebabkan oleh pemegang amanah membolot/ tidak jujur menyebabkan waris lain tidak dapat bahagian masing masing.

Kegagalan pembahagian harta yang disebabkan oleh pemegang amanah yang tidak jujur boleh mengakibatkan ahli waris tidak dapat menikmati sepenuhnya hasil dari modal yang ditinggalkan oleh si mati, Negara juga mengalami kerugian akibat dari tanah tanah yang terbiar dan tidak diusahakan. Isu ini perlulah ditangani dan beberapa cadangan di utarakan bagi membendung masalah ini.

Sekiranya pewaris mendapati bahawa pentadbir itu tidak amanah. Pewaris boleh memohon pentadbir yang baru dengan memohon bicara Seksyen 17 Akta 98 supaya melantik pentadbir Harta yang baru bagi menggantikan pentadbir yang tidak amanah tersebut. Selain menggunakan khidmat pentadbir amanah dicadangkan bahawa sekiranya ada ahli waris yang berkemampuan perlu membeli tanah tersebut. Setelah mendapat hak milik penuh pewaris tersebut perlu membayar hak waris yang lain maka penurunan milik tanah tersebut akan menjadi hak milik ahli waris yang membayar sepenuhnya. Kaedah ini boleh digunakan kerana bertepatan dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 38 yang bersidang pada 21 jun 1995. Dengan itu masalah pemegang amanah yang tidak jujur dapat di selesaikan.

Sekiranya tiada waris yang berkemampuan untuk membeli tanah tersebut, ahli waris juga boleh bersepakat dan bersetuju untuk menjual tanah tersebut kepada pihak Felda ( ganti sewa) maka hasil daripada jualannya akan dibahagikan kepada semua waris mengikut bahagian masing masing dengan kaedah faraid atau sama rata bergantung kepada persetujuan ahli waris. Selain itu, Felda juga boleh mengambil tindakan yang drastik dengan menggubal undang undang berkaitan agar pihak Felda sendiri boleh mengambil alih atau mentadbir atau membeli bahagian waris untuk diserahkan kepada peneroka yang baru dalam bentuk pinjaman.

Perancangan awal juga boleh dilakukan selain melantik pentadbir amanah untuk membahagikan harta. Perancangan ini dapat memberi faedah kepada ahli waris dan memudahkan pengurusan harta dilakukan. Perancangan perlu dilakukan sebanyak dua peringkat, peringkat pertama dibuat sebelum kematian pemilik tanah oleh pemilik tanah sendiri atau ahli waris setelah kematian pemilik. Peringkat kedua melibatkan perancangan oleh ahli waris yang ditinggalkan oleh si mati bagi menentukan harta dapat diagihkan dengan sempurna dan tidak mendatangkan masalah di kemudian hari. Bagi perancangan pertama, beberapa kaedah boleh dilakukan oleh pemilik harta sebelum mereka meninggal dunia seperti membuat wasiat, memberi hibah iaitu pemilik menentukan sendiri kepada siapa hartanya akan diwariskan.

Bagi perancangan ahli waris pula, ahli waris perlu bersegera dalam membuat permohonan pembahagian pusaka ini bagi memastikan harta pusaka dapat diagihkan dengan sempurna. Selain itu penubuhan syarikat atau koperasi keluarga juga digalakkan dimana harta si mati di jadikan sebagai aset. Maka keuntungan yang diperolehi dibahagikan sesama waris. Perancangan perlu dititikberatkan bagi memastikan wujudnya kesinambungan dari segi kegunaan tanah/harta si peninggal kerana ianya dapat menjaga faedah ekonomi kepada masyarakat Felda khususnya generasi kedua.

Secara kesimpulannya masalah pembahagian harta di tanah Felda juga dapat dilakukan tanpa melibatkan orang tengah iaitu pemegang amanah. Kegagalan menguruskan harta akan menimbulkan kesan negatif terhadap kesejahteraan ahli keluarga dan sumber ekonomi masyarakat Felda.

## **5. RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

### **5.1 RUMUSAN**

Rumusan dan perbincangan kajian diperolehi dari analisis yang telah dibuat di Bab 4, beberapa kesimpulan boleh dikemukakan mengikut objektif kajian yang menyenaraikan tiga dapatan utama.

Pertama bagi menjawab soalan kajian yang pertama, kesan pelaksanaan Akta GSA ke atas ekonomi masyarakat Felda terutamanya bagi golongan generasi kedua. Kajian mendapati bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa pelaksanaan Akta GSA menimbulkan kesan yang negatif terutama kepada harta yang sepatutnya dimiliki oleh waris. Dapatan kajian mendapati pemegang amanah membolot/ tidak jujur yang menyebabkan waris lain tidak mendapat bahagian merupakan kesan negatif yang utama hasil dari pelaksanaan Akta

GSA ini. Kesan negatif atau masalah yang timbul ini boleh menjejaskan ekonomi masyarakat Felda terutama bagi golongan generasi kedua. Masalah ini juga mengakibatkan pengagihan harta tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan menimbulkan kesan kepada ekonomi dan sosial kepada waris waris peneroka yang masih hidup. Sikap pemegang amanah yang tidak jujur menyebabkan Tanah Pusaka tidak diusahakan yang menyebabkan waris waris tidak dapat menikmati hasil daripada tanah tersebut.

Perbandingan antara Felda dan generasi juga dilihat kesan dari pelaksanaan ini, kajian mendapati 3 daripada 5 felda yang terlibat bersetuju bahawa pemegang amanah membolot/ tidak jujur yang menyebabkan waris lain tidak mendapat bahagian manakala perbandingan menerusi generasi mendapati bahawa generasi pertama dan kedua bersetuju pemegang amanah membolot/ tidak jujur yang menyebabkan waris lain tidak mendapat bahagian timbul dari kesan pelaksanaan Akta GSA. Tetapi bagi generasi ketiga pula bersetuju bahawa waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah kesan dari Akta ini.

Dalam Bab 4 juga menganalisis sektor pekerjaan yang diceburi mengikut generasi. Dapatan mendapati bahawa kebanyakan generasi pertama masih bekerja sebagai peneroka. Manakala bagi generasi kedua dan ketiga, mereka gemar menerokai sumber ekonomi baru dimana kebanyakan mereka menceburi bidang perkilangan dan perkhidmatan. Ini menunjukkan bahawa kesan dari pelaksanaan Akta GSA ini membawa kesan yang positif dalam menerokai sumber ekonomi baru tanpa mengharapkan harta dari Felda.

Sumber pendapatan yang rendah juga merupakan faktor yang utama mengapa generasi kedua dan ketiga mencari sumber ekonomi yang baru. Hasil kajian mendapati rata rata pendapatan di Felda adalah sekitar RM 1001 – 2000. Pendapatan ini sangat rendah dalam menampung taraf hidup yang semakin meningkat. Peningkatan taraf hidup ini juga mendorong terutamanya bagi generasi kedua dan ketiga melanjutkan pendidikan. Mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi mempunyai pilihan pekerjaan yang lebih banyak berbanding mereka yang berpendidikan rendah. Hasilnya kebanyakan generasi kedua dan ketiga daripada felda felda ini berjaya melanjutkan pendidikan sekurang kurangnya memiliki Sijil Penilaian Menengah (SPM). Dapatan kajian merumuskan bahawa apabila berlaku ketidak seimbangan dalam agihan warisan Tanah Felda telah mendorong generasi Felda menerokai sumber ekonomi yang baru dan meningkatkan taraf pendidikan mereka terutama bagi generasi kedua dan ketiga.

Soalan kajian kedua menunjukkan masalah yang timbul akibat dari pelaksanaan Sistem GSA. Dapatan kajian, mendapati wujudnya masalah dikalangan waris berkenaan isu pembahagian harta Felda. Kebanyakan masalah yang timbul adalah melibatkan perbalahan dan tuntutan adik beradik. Perbalahan yang sering berlaku diantara waris ialah dalam menentukan pemilikan harta pusaka peneroka yang boleh mengakibatkan pembahagian harta pusaka tidak dapat diselesaikan. Perselisihan faham di kalangan waris atau tiada waris yang berminat atau tiada waris lelaki sebagai pendinding yang sanggup atau diturunkan pemilikan harta pusaka ini mengakibatkan banyak kawasan ladang yang terbiar kerana waris tidak mahu mengambil alih pengurusan ladang di sebabkan ketiadaan wang dan masalah buruh. Ini menimbulkan kesan yang negatif apabila timbul isu penindasan harta anak yatim, berlakunya retakan dalam hubungan kekeluargaan tersebut seterusnya mewujudkan kesan negatif kepada masyarakat seperti keruntuhan moral dan pegangan hidup. Sehingga kini, Isu penurunan milik harta pusaka peneroka berterusan dan memberi kesan kepada generasi kedua apabila tanah pusaka terbiar dan tidak diuruskan pembahagian harta tersebut seterusnya menghalang pembangunan di kawasan tersebut.

Soalan kajian ketiga mencadangkan beberapa penyelesaian kesan dari pelaksanaan Akta GSA. Isu Pemegang amanah yang tidak jujur dan membolot merupakan kesan yang utama hasil pelaksanaan Akta GSA ini. dengan itu kajian mencadangkan beberapa langkah perlu diatasi bagi membendung masalah ini . Antara cadangannya ialah pihak FELDA perlu mengambil langkah yang lebih drastik seperti menggubal undang berkaitan agar pihak FELDA sendiri mengambil alih atau mentadbir dengan membeli bahagian waris (ganti sewa) untuk diserahkan kepada peneroka yang baru dalam bentuk pinjaman. Perancangan awal juga dapat dilakukan agar masalah pengagihan harta dapat di agihkan dengan sempurna supaya waris lain dapat menikmati Harta dari FELDA tersebut.

## **5.2 CADANGAN**

Masalah pembahagian harta Pusaka masyarakat FELDA adalah berpunca daripada Tanah yang ditadbir oleh agensi kerajaan, Masyarakat FELDA dihalang oleh Akta Tanah ( Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang mengehadkan pindah hakmilik tanah kepada seorang atau dua orang pengganti dan melarang sebarang pemilikan beramai ramai atau melakukan pecah milik ke atas tanah tersebut. Bagi mengatasi masalah yang wujud beberapa cadangan penyelesaian dikenal pasti agar pengagihan harta dapat dijalankan dengan sempurna dan ahli waris waris yang lain dapat menikmati harta FELDA tersebut.

Antara cadangan ialah meningkatkan tahap kesedaran di kalangan Pengurus, Peneroka dan Ahli ahli waris berhubung dengan permohonan Pembahagian Harta Pusaka setelah berlaku kematian. Pihak pengurusan FELDA perlu menyampaikan maklumat secara terus kepada pengurus dan kakitangan dengan mengadakan sesi penerangan tentang kepentingan pengurusan pembahagian Harta Pusaka Peneroka. Sesi penerangan boleh dilakukan dalam bentuk kursus atau seminar yang dikendalikan oleh Pegawai Pusaka Kecil dari JKPTG. Manakala pihak FELDA perlu juga memberitahu kepentingan pembahagian harta ini kepada Peneroka dan ahli ahli waris melalui penubuhan kaunter khidmat Pelanggan yang memberi penerangan tentang perlunya harta pusaka diuruskan dengan sempurna supaya mendapat pulangan hasil dari harta tersebut untuk kesejahteraan dan membangunkan taraf ekonomi keluarga mereka. Pendedahan tentang isu berkaitan wasiat dan hibah juga harus ditekankan supaya warga FELDA tidaklah hanya bergantung kepada pemegang amanah untuk mengagihkan harta mereka.

Latihan juga perlu diberikan kepada pegawai FELDA dalam mengendalikan kes kes pembahagian harta pusaka peneroka. Latihan perlu dilaksanakan dalam bentuk teori seperti Teori tentang undang undang Tanah GSA 1960, Kanun Tanah Negara dan Akta 530. Dalam latihan praktikal pula FELDA boleh menganjurkan dengan kerjasama Bahagian Pusaka Kecil JKPTG. Program ini dapat meningkatkan kesedaran dan kemahiran di kalangan individu dalam pengurusan FELDA akan kepentingan menyenggerakan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA. Maka dengan adanya latihan ini, kes kes kecil yang melibatkan pembahagian harta pusaka peneroka dapat diselesaikan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah berjaya menjawab persoalan-persoalan kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian, telah diperbincangkan, dirumuskan dan akhirnya dikemukakan beberapa cadangan dan implikasinya. Kajian telah menjelaskan persoalan objektif kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa program program yang telah disediakan oleh pihak FELDA dapat menarik minat masyarakat FELDA terutama golongan muda menceburi bidang ekonomi yang baru, seperti bidang keusahawanan seterusnya kesan dari pelaksanaan Akta Tanah GSA. Selain itu pelaksanaan Akta Tanah GSA ini menimbulkan

kesan yang negatif kepada masyarakat FELDA ke atas harta yang diwarisi. Dimana pengagihan harta pusaka tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana wujudnya faktor pemegang amanah yang tidak jujur dan membolot harta tersebut. Oleh yang demikian penambahbaikan perlu bagi membolehkan pelaksanaan Akta GSA ini dapat dilakukan dan pembahagian harta pusaka dapat dijalankan dengan sempurna sekaligus meningkatkan taraf ekonomi masyarakat FELDA terutama generasi kedua. Namun segala usaha akan menjadi sia-sia sekiranya tiada kerjasama yang wujud.

Kajian ini telah mendedahkan beberapa penemuan menarik yang dapat dimanfaatkan dalam mengkaji keberkesanan Akta Tanah GSA ini terhadap masyarakat FELDA. Namun kajian akan datang juga diperlukan dalam mengkaji berkaitan pemilikan tanah oleh generasi ke tiga FELDA yang tinggal di tanah rancangan FELDA kerana hasil kajian mendapati generasi ketiga bersetuju bahawa waris lain tidak rasa memiliki ke atas tanah atau tapak rumah kesan dari pelaksanaan Akta GSA.

## RUJUKAN

Alladdin Hashim (1975) *Land Development under FELDA : Some Sosial Aspect*. Seminar Pembangunan Desa Asia Selatan. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Anon (1993) Peneroka. *Majalah Masyarakat Rancangan FELDA*. Januari : 7

Chua, Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan* . Kuala Lumpur : McGraw-Hill

Daud Abdullah.(1986).Generasi kedua FELDA : Satu kajian di FELDA Menggong Alur GajahMelaka. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasnah Ali. (1991). *Ekonomi wilayah, Teori dan Amalan*. DBP Kuala Lumpur

[http://felda.net.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=100&Itemid=653&lang=ms](http://felda.net.my/index.php?option=com_content&view=article&id=100&Itemid=653&lang=ms)

Khamis Mat Som. (2006). *Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 & Pembangunan Masyarakat FELDA: Jurnal Instun, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan INSTUN, Perak*.

Laporan Tahun 1997. Kuala Lumpur. Penerbit FELDA.

Laporan Tahun 1999. Kuala Lumpur. Penerbitan FELDA.

Long Siong Khim. (2007). Hak Milik Tanah GSA FELDA dan Isu kelewatan Pengeluarannya. Kajian Kes Tanah Rancangan FELDA di Johor. Tesis Sarjana Program Sains Pentadbiran & Penggunaan Tanah Fakulti Kejuruteraan & Geoinformasi Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Nadzir Bin Hanafi.(1991).Generasi ke Dua Masyarakat FELDA: Satu kajian sosioekonomi di FELDA Sungai Tiang, Pendang Kedah Darul Aman.Tesis Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Aini Haji Idris. (2003). *Generasi ke dua Masyarakat FELDA: Kajian kes mengenai prospek peningkatan keupayaan melalui aktiviti perniagaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noraziah Ali, Noorzah Zakariah & Mohd Azlan Abdullah. (2010). *Pembangunan Pendidikan Dan Kelesteraan Sumber Manusia di FELDA*. *Journal e-bangi- 5 (1): 82-93 Perwarisan Harta dan Harta Pencarian yang Dilaksanakan Di Rancangan FELDA*.
- Rein Martin. (1976) . *Social science,Public Policy*. Penguin Education.
- Rosnah Che Mat. (1984). *Perbandingan sosioekonomi generasi ke dua di FELDA Sg. Panching Timur & FELDA Ulu Jempul Pahang Darul Makmur*.Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saifuldin Aziz @Abdul Aziz. (2009). *Kekangan Dalam pewarisan Tanah Pusaka FELDA Di Bawah Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Kajian Kes di FELDA Soeharto, Daerah Hulu Selangor*.
- Tengku Maimun Tuan Mat. (1982). *Satu Kajian Tentang Sistem Perwarisan FELDA Dengan merujuk kepada Pesaka Islam*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tuan Normazidah Bt Tuan Aziz. (2012). *The opportunities for the second generation of FELDA Settlement : Case Study: Jengka 5 Maran Pahang Darul Makmur*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Mara.
- Tunku Shamsul Bahrin & Parera.( 1977). *FELDA 21 years at Land Development*. Kuala Lumpur
- Wan Abdul Halim Bin Wan Harun. (2001). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka 2006*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Azmi Ramli. (1982). *Dasar Sosial Di Malaysia*. Sarjana Enterprise.
- Zulkifli Mohammad. (2010). *Penyelesaian Isu Harta Pusaka Tanah Rancangan FELDA : Kajian Kes FELDA Lurah Bilut Bentong Pahang Darul Makmur*. Tesis Doctorate in Syaria and Law Academy of Islamic Studies. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.